



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	15/05/2012

# Hudud tiada dalam Buku Jingga

BH - 15/5/2012

## Pakatan pembangkang berpendapat dasar terikat Perlembagaan Negara

Oleh Faiza Zainudin  
dan S Anand Kumar  
bhnews@bharian.com.my

**P**ETALING JAYA: Kepemimpinan tertinggi pembangkang berkata, pelaksanaan hukum hudud yang dibangkit PAS tidak termaktub dalam *Buku Jingga* yang dilancarkan mereka pada 28 September tahun lalu.

Penasihat PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pihaknya bersama PAS dan DAP akan berpegang kepada persetujuan dicapai mereka dalam buku itu walaupun wujud perbezaan pendapat di antara DAP dan PAS mengenainya.

"Apa juga perubahan dilakukan oleh pembangkang terikat kepada Perlembagaan Persekutuan, dasar bersama dan *Buku Jingga*, ini cukup jelas," katanya selepas mem-

pengerusikan Majlis Pimpinan pembangkang di ibu pejabat PKR, semalam.

Khamis lalu, Pengerusi DAP, Karpal Singh berkata, Abdul Hadi tidak berhak bercakap bagi pihak pakatan pembangkang dengan menyatakan pembangkang akan melaksanakan hukum hudud jika meme-

rintah negara.

Karpal juga berkata, Abdul Hadi memang selalu berdolak-dalik dengan membuat kenyataan retorik tanpa sebarang justifikasi selain mengulangi kenyataannya sebelum ini bahawa hukum hudud tidak boleh dilaksanakan di Malaysia kerana ia bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

Akhbar sebelum ini melaporkan Abdul Hadi sebagai berkata jika pakatan pembangkang memerintah negara, hukum hudud hanya akan dilaksanakan apabila masalah pengangguran dan kemiskinan diselesaikan, serta penetapan gaji minimum dilaksanakan.

Sementara itu, Abdul Hadi pula menjelaskan bahawa beliau sebelum ini sudah membuat kenyataan mengenai isu hudud dan mahu menyelesaikannya secara perbinca-

ngan dalaman dan bukannya menerusi media.

Penasihat DAP, Lim Kit Siang berkata, ketiga-tiga parti pembangkang itu bersetuju sekiranya terdapat sebarang perubahan polisi, maka ia perlu dicapai secara sepakat.

"Soal mengenai hudud perlu dipersetujui oleh ketiga-tiga parti..., bagi kami amat jelas ia (hudud) tidak terdapat dalam polisi pakatan rakyat tetapi kami menghormati pandangan PAS mengenai hudud dan juga jelas hudud tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Anwar berkata, pakatan pembangkang juga sudah hampir menyiapkan manifesto pilihan raya selain membuat persediaan untuk menghadapinya.



*Apa juga perubahan dilakukan oleh pembangkang terikat kepada Perlembagaan Persekutuan, dasar bersama dan Buku Jingga*



**Anwar Ibrahim**  
Penasihat PKR